

Rujukan Kami : UMP.01.11.100-1/8/7 (01)
Tarikh : 07 Ogos 2023

Seperti Senarai Edaran

YH. Dato'/Datin/Profesor/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

EDARAN POLISI & GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Governan, Risiko & Integriti (JGRI) Bilangan 2/2023 yang diadakan pada 24 Julai 2023 telah meluluskan Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

3. Sehubungan itu, dilampirkan Polisi & Garis Panduan Pengurusan Risiko UMPSA untuk tujuan rujukan dan perhatian YH. Dato'/Datin/Profesor/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan selanjutnya. Selain daripada itu, melalui dokumen ini juga diharap agar semua jabatan dapat memastikan pengurusan risiko dilaksanakan mengikut kaedah dan proses yang telah ditetapkan.

4. Sebarang pertanyaan dan kemusykilan, sila hubungi pihak kami Unit Pengurusan Risiko (UPR) di talian 09-4316769/6849.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



ASRI BIN HAJI ZAINUDIN
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

s.k Jawatankuasa Pengurusan Universiti

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Bin Sulaiman**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **YH Dato' Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **YH Dato' Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Cik Kamariah Binti Gono**
Ketua Pustakawan
8. **Puan Marlina Binti Mamat**
Penasihat Undang-Undang

Penolong Naib Canselor / Dekan / Ketua Jabatan / Pengarah Kanan / Pengarah / Bahagian/ Unit

1. **YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**
Penolong Naib Canselor
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
2. **Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**
Penolong Naib Canselor
Pusat Hal Ehwal Korporat dan Kualiti
3. **Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)
4. **Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
5. **Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)

- 6. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 7. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Dekan
Fakulti Komputeran (FK)
- 8. Profesor Madya Ts. Dr. Saifful Kamaluddin Bin Muzakir @ Lokman**
Dekan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 9. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**
Dekan
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 10. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 11. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**
Dekan
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 12. Profesor Madya Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Dekan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 13. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)
- 14. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Menjalankan Tugas Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 15. Profesor Madya Dr. Mohamed Ariff Bin Amedeen**
Ketua Pegawai Maklumat
Jabatan Pengurusan Pengetahuan & Teknologi Maklumat
- 16. Profesor Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**
Pengarah Kanan Penyelidikan
Pusat Pengurusan Penyelidikan
- 17. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**
Pengarah Kanan Inovasi & Komersial
Pusat Pengurusan Inovasi & Komersial

- 18. Profesor Dr. Chong Kwok Feng**
Pengarah Kanan
Bahagian Kualiti Penyelidikan & Pusat Kecemerlangan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 19. Ts. Izwan Bin Ismail**
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 20. Profesor Madya Dr. Mohd Nizam Bin Mohmad Kahar**
Pengarah
Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 21. Dr. Munira Binti Abdul Razak**
Pengarah
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 22. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerja
- 23. Ts. Mohd Rashid Bin Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 24. Dr. Noryanti Binti Muhammad**
Pengarah
Pusat Kecerdasan Buatan & Sains Data
- 25. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 26. Dr. Izan Izwan Bin Misnon**
Pengarah
Pusat Kecerdasan Bahan Termaju
- 27. Profesor Dr. Rizalman Bin Mamat**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 28. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**
Pengarah
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 29. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)

- 30. Dr. Nasrul Hadi Bin Johari**
Pengarah
Pusat Teknologi Industri Termaju
- 31. Ts. Dr. Norazlianie Binti Sazali**
Pengarah
Penerbit UMP
- 32. Profesor Madya Dr. Hazrulrizawati Binti Abd Hamid**
Pengarah
Makmal Berpusat
- 33. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**
Pengarah
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi (PRInT)
- 34. Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Institut Confucius
- 35. Dr. Noram Irwan Bin Ramli**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)
- 36. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 37. Encik Zainal Bin Bahari**
Pengarah
Pusat Pemasaran & Kemasukan Akademik (PPKA)
- 38. Profesor Madya Ts. Dr. Awanis Binti Romli**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 39. Profesor Madya Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**
Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)
- 40. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**
Pengarah
Pusat Kerjasama Strategik Akademik (PKSA)
- 41. Profesor Madya Dr. Hasan bin Ahmad**
Pengarah
Institut Tamadun dan Kajian Strategik (iTKAS)

- 42. Encik Mohd Raizalhilmy Bin Mohd Rais**
Pengarah
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 43. Profesor Madya Dr. Izwan Bin Ismail**
Pengarah
Pusat Kerjaya UMP
- 44. Ts. Dr. Azri Bin Alias**
Pengarah
Pusat Perhubungan Alumni
- 45. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 46. Encik Mohd Aznorizamin Bin Ismail**
Pengarah
Pusat Sukan & Kebudayaan
- 47. Dr. Suhaidah Binti Hussain**
Pengarah
Pusat Pembangunan Usahawan Kreatif
- 48. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 49. Dr. Noradilah Binti Md Nordin**
Pengarah
Pusat Sejahtera
- 50. Encik Mohd Nazri Bin Samsudin**
Pengarah
Bahagian Keselamatan
- 51. Profesor Madya Ir. Dr Norazwina Binti Zainol**
Pengarah
Bahagian Pengurusan Strategik Dan Kualiti
Pusat Hal Ehwal Korporat Dan Kualiti
- 52. Profesor Madya Ts. Dr. Herma Dina Binti Setiabudi**
Pengarah
Bahagian Penarafan Dan Kelestarian
Pusat Hal Ehwal Korporat Dan Kualiti
- 53. Profesor Madya Ir. Dr Chin Sim Yee**
Pengarah
Bahagian Hubungan Universiti - Industri
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat

- 54. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengarah
Bahagian Hubungan Universiti - Komuniti
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat
- 55. Puan Mimi Rabita Binti Abd Wahit**
Pengarah
Pusat Komunikasi Korporat
- 56. Encik Asri Bin Haji Zainudin**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
- 57. Ketua**
Unit Integriti & Pematuhan
- 58. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
- 59. Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 60. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**
Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar
- 61. Encik Hazmin Bin Aris**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa
- 62. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**
Pengurus Kanan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 63. Encik Muhamad Faisal Bin Mohd Yasin**
Pengurus
Jabatan Canseleri



اونيفورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

POLISI DAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO

Disediakan Oleh:

UNIT PENGURUSAN RISIKO

JABATAN CANSELERI

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH



POLISI & GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO UMPSA

KELUARAN : 01

KELULUSAN : MESYUARAT JAWATANKUASA GOVERNAN,
RISIKO & INTEGRITI (JGRI) BIL. 2/2023
(24 JULAI 2023)

Isi Kandungan	Muka Surat
<u>A : POLISI PENGURUSAN RISIKO</u>	
1. Pengenalan	1
2. Risiko dan Pengurusan Risiko	2
2.1 Definisi Risiko	
2.2 Definisi Pengurusan Risiko	
3. Prinsip Pengurusan Risiko	
4. Objektif Polisi Pengurusan Risiko	3
5. Pengurusan Risiko di UMPSA	4-6
6. Peranan dan Tanggungjawab	7-10
7. Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko di UMPSA	11
8. Rangka kerja Pengurusan Risiko	12-15
8.1 Rangka Kerja	
8.2 Kepimpinan dan Komitmen	
8.2 Integrasi	
8.3 Rekabentuk	
8.4 Pelaksanaan	
8.5 Penilaian	
8.6 Penambahbaikan	
<u>B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO</u>	
9. Proses Pengurusan Risiko	16-38
9.1 Langkah 1 : Menetapkan Konteks	
9.2 Langkah 2 : Penilaian Risiko	
9.3 Langkah 3 : Menetapkan Strategi Kawalan Risiko	
9.4 Langkah 4 : Pemantauan dan Kajian Semula	
9.5 Langkah 5 : Komunikasi dan Perundingan	
9.6 Langkah 6 : Rekod dan Laporan Risiko	
10. Latihan	39
11. Definisi Utama	40
12. Contoh Senarai Insiden Risiko	41-44

A: POLISI PENGURUSAN RISIKO

1.0 Pengenalan

Pengurusan risiko adalah salah satu kriteria dan komponen penting dalam tadbir urus dan amalan pengurusan yang terbaik bagi sesebuah organisasi.

Pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan merupakan aspek penting dalam tadbir urus, pengurusan dan operasi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA). Fokus pengurusan risiko adalah untuk mengenal pasti ancaman dan peluang manakala kawalan dalaman membantu dalam menangani ancaman dan memanfaatkan peluang yang ada.

UMPSA komited dalam memastikan pengurusan risiko dilaksanakan secara proaktif dan berkesan dalam tadbir urus, kewangan, modal insan, akademik, harta intelek, teknologi maklumat dan infrastruktur.

Pengurusan risiko merupakan proses yang melibatkan analisis, pengenalpastian dan penilaian terhadap projek atau program di dalam melihat keberkesanan kos serta pelan tindakan bagi mengelak, memindah dan kesediaan menerima risiko.

Pengurusan risiko meliputi kepada semua staf, pelajar, pemegang taruh, Jawatankuasa-jawatankuasa UMPSA dan Lembaga Pengarah UMPSA bagi menambah nilai, mengelak kerugian atau kerosakan kepada UMPSA.

2.0 Risiko dan Pengurusan Risiko

2.1 Definisi Risiko

- i. Berdasarkan ISO31000:2018 risiko adalah kesan yang tidak jelas kepada pencapaian objektif. Risiko adalah kemungkinan sesuatu peristiwa atau aktiviti yang memberi kesan kepada organisasi (positif atau negatif) pencapaian objektif atau pencapaian keberhasilan (*outcomes*) organisasi.
- ii. Risiko juga adalah sesuatu keadaan di dalam atau di luar organisasi yang berpotensi memberi impak serta menghalang organisasi daripada mencapai objektifnya, menyampaikan perkhidmatannya, melaksanakan atau menjalankan projek dengan sebaiknya.

2.2 Definisi Pengurusan Risiko

- i. Berdasarkan ISO31000:2018, pengurusan risiko didefinisikan sebagai penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko
- ii. Pengurusan risiko terdiri daripada rangka kerja dan proses yang membolehkan organisasi mengurus risiko dengan efektif, efisien dan sistematik secara menyeluruh dalam konteks strategik dan operasi serta penambahbaikan berterusan.

3.0 Prinsip Pengurusan Risiko

3.1 Berikut adalah prinsip asas pengurusan risiko di UMPSA. Prinsip ini adalah pemacu utama dalam memastikan pengurusan risiko yang konsisten dan bersesuaian dengan objektif pengurusan risiko di UMPSA adalah:

- i. memberi nilai tambah dan menyumbang kepada pencapaian objektif strategik serta meningkatkan prestasi UMPSA;
- ii. sebahagian dari proses tadbir urus UMPSA merangkumi pelan dan proses pembangunan UMPSA;

- iii. membantu pengurusan UMPSA untuk membuat keputusan berdasarkan kepentingan UMPSA dengan mengambil kira faktor yang boleh memberi kekangan kepada pencapaian objektif;
- iv. menyatakan dengan jelas sebarang ketidakpastian punca dan kesannya serta keperluan untuk membuat tindakan;
- v. sistematik, berstruktur dan tepat pada masanya untuk memastikan kawalan risiko secara konsisten. Ianya boleh dipercayai bagi menyumbang kepada kecekapan operasi dan pengurusan UMPSA;
- vi. berdasarkan maklumat yang dipercayai termasuk analisis data, pengalaman, prosedur baru, jangkaan akan datang, pandangan pemegang taruh dan keupayaan UMPSA;
- vii. telus dan inklusif dan mengambil kira pandangan pihak yang berkepentingan; dan
- viii. dinamik, interaktif serta mampu bertindakbalas kepada perubahan.

4.0 Objektif Polisi Pengurusan Risiko

4.1 Pengurusan Risiko memberi nilai tambah kepada tadbir urus dan pengurusan operasi UMPSA dengan mengenal pasti serta menguruskan risiko yang menghalang pencapaian objektif strategik UMPSA.

4.2 Objektif polisi pengurusan risiko UMPSA ini adalah seperti berikut:

- i. memastikan komitmen dan tanggungjawab UMPSA dalam pengurusan risiko;
- ii. memperkasakan akauntabiliti dan ketelusan dalam membuat keputusan;
- iii. meningkatkan budaya pengurusan risiko di UMPSA;
- iv. meningkatkan kualiti pengurusan risiko di UMPSA dari segi penilaian, kawalan, pemantauan dan latihan; dan
- v. melindungi kepentingan UMPSA.

5.0 Pengurusan Risiko di UMPSA

- 5.1** Lembaga Pengarah UMPSA melalui Jawatankuasa Governan, Risiko dan Integriti (JGRI) bertanggungjawab sepenuhnya atas pengawasan dan pengurusan risiko di UMPSA secara total.
- 5.2** Naib Canselor dan pengurusan UMPSA memberi sokongan kepada pelaksanaan dasar dan rangka kerja pengurusan risiko di UMPSA, memperuntukkan sumber yang mencukupi supaya ia dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
- 5.3** Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster/Pusat Tanggungjawab (PTj) bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko dalam bidang kawalan mereka, termasuk kepada aktiviti yang berkaitan dengan pencapaian objektif strategik UMPSA dan operasi di peringkat Kluster/PTj.
- 5.4** Unit Pengurusan Risiko (UPR) bertanggungjawab dalam menyelaraskan aktiviti pengurusan risiko di UMPSA dan melaporkan kepada JGRI.
- 5.5** Pegawai Risiko Kluster/PTj bertanggungjawab dalam menyelaraskan aktiviti pengurusan risiko di peringkat Kluster/PTj dan melaporkan kepada Unit Pengurusan Risiko (UPR) UMPSA.
- 5.6** Kluster risiko di UMPSA ditetapkan mengikut kluster-kluster sepertimana berikut:

Bil.	Kluster	Pusat Tanggungjawab
1.	Jabatan Canseleri	<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Naib Canselor • Pusat Komunikasi Korporat • Unit Integriti & Pematuhan • Unit Audit Dalam • Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti • Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta • Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya • Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan

		<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Jaringan Industri & Masyarakat
2.	Jabatan Pendaftar	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pendaftar • Bahagian Keselamatan
3.	Jabatan Pengurusan Pengetahuan & Teknologi Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> • Perpustakaan • Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi • Pusat Kecerdasan Buatan & Sains Data
4.	Jabatan Bendahari	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Bendahari
5.	Jabatan Perundangan	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perundangan
6.	Jabatan Penyelidikan & Inovasi	<p>Jabatan Penyelidikan & Inovasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerbit UMPSA • Bahagian Kualiti Penyelidikan & Pusat Kecemerlangan • Makmal Berpusat • Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi
7.	Pusat Pengurusan Penyelidikan	<p>Pusat Pengurusan Penyelidikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju • Pusat Kecerdasan Bahan Termaju • Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam
8.	Pusat Pengurusan Inovasi & Komersial	<p>Pusat Pengurusan Inovasi & Komersial:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Kejuruteraan Automotif • Pusat Penyelidikan Bioaromatik • Pusat Teknologi Industri Termaju
9.	Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa Kampus Pekan	<p>JHEAA Kampus Pekan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa • Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik • Pusat Pengurusan Akademik • Pusat Pemasaran & Kemasukan Akademik • Pusat Sumber Pengajaran &

		<p>e-Pembelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Kerjasama Strategik Akademik • Pusat Bahasa Moden • Fakulti Komputeran • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik • Institut Confucius • Pusat Hubungan Antarabangsa • Institut Tamadun & Kajian Strategik
10.	Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa Kampus Gambang	<p>JHEAA Kampus Gambang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pusat Hubungan Antarabangsa • Pusat Sains Matematik • Pusat Sains Kemanusiaan • Pusat Asasi & Pra Diploma • Institut Pengajian Siswazah • Fakulti Sains & Teknologi Industri • Fakulti Pengurusan Industri • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam • Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses
11.	Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Perkhidmatan Pelajar • Pusat Kerjaya • Pusat Perhubungan Alumni • Pusat Islam & Pembangunan Insan • Pusat Sukan & Kebudayaan • Pusat Pembangunan Usahawanan Kreatif • Pusat Kesihatan Universiti

	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Sejahtera • Akademi Adab • Pusat Inovasi & Daya Saing Pembangunan Pelajar • Residen Pelajar
--	--

6.0 Peranan dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah Universiti	<ol style="list-style-type: none"> i. Bertanggungjawab menggubal dasar pengurusan risiko UMPSA; ii. Bertanggungjawab memantau pengurusan risiko utama untuk mengurangkan kemungkinan perkara yang tidak diingini; iii. Menentukan tahap risiko dan jenis risiko yang boleh diterima oleh UMPSA; dan iv. Memantau perkembangan pengurusan risiko di UMPSA dan pelaksanaan langkah kawalan yang berkesan yang dapat mengurangkan tahap risiko.
Jawatankuasa Pengurusan Universiti	<ol style="list-style-type: none"> i. Menyokong dalam membangunkan organisasi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pengurusan risiko; ii. Menyediakan sumber dan infrastruktur atau yang sesuai melaksanakan pengurusan risiko; dan iii. Bersama-sama menentukan respon dan kawalan risiko.
Jawatankuasa Governan, Risiko dan Integriti	<ol style="list-style-type: none"> i. Mempertimbang dan meluluskan pelaksanaan pelan tindakan pengurusan risiko UMPSA; ii. Melapor dan menasihati Lembaga Pengarah UMPSA mengenai isu keberkesanan pengurusan risiko UMPSA; iii. Menyemak kerangka kerja pengurusan risiko UMPSA untuk memastikan ia dilaksanakan secara berkesan; iv. Menerima laporan dari UPR; dan v. Memberi khidmat sokongan pelaksanaan pengurusan risiko UMPSA.


<p>Jawatankuasa Pengurusan Risiko Di Peringkat Kluster/PTj</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Menyelaras aktiviti pengurusan risiko dan keberkesanannya di peringkat Kluster/PTj; ii. Membangunkan pelan pelaksanaan dan memantau implementasi pengurusan risiko di UMPSA; iii. Mematuhi dasar dan garis panduan pengurusan risiko UMPSA; iv. Menilai, memantau dan mengawal risiko yang signifikan di peringkat Kluster/PTj secara berkala dan di laporkan dalam mesyuarat jabatan; v. Membuat laporan penilaian risiko kluster kepada Unit Pengurusan Risiko UMPSA; vi. Menjalankan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan budaya pengurusan risiko di Kluster/PTj; dan vii. Melantik ahli jawatankuasa peringkat kluster yang terdiri daripada pegawai di bawah kluster, sama ada staf pengurusan dan/atau staf akademik.
<p>Unit Pengurusan Risiko</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti pengurusan risiko dan keberkesanannya di UMPSA; ii. Mengenal pasti, menilai dan memantau langkah kawalan risiko; iii. Membangunkan polisi dan garis panduan pengurusan risiko UMPSA; iv. Melaporkan kepada JGRI berkenaan dengan hal ehwal pengurusan risiko di UMPSA; v. Memberi kesedaran kepada warga UMPSA akan kepentingan pengurusan risiko (melindungi nyawa, keselamatan dan harta benda); vi. Menyelaras latihan kepada pegawai risiko Kluster/PTj; dan vii. Memberi khidmat nasihat mengenai kaedah pengurusan risiko peringkat Kluster/PTj.

Pemilik Risiko (Kluster/ Pusat Tanggungjawab)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster/PTj; ii. Mematuhi polisi pengurusan risiko UMPSA; iii. Laporan pengurusan risiko dijadikan agenda didalam mesyuarat jabatan (PTj) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster; dan iv. Membudayakan pengurusan risiko; v. Pelan tindakan ke atas risiko dilaksanakan mengikut tahap risiko. Keutamaan diberikan kepada risiko yang mempunyai impak yang tinggi kepada Kluster/PTj; dan vi. Memastikan pelan mitigasi ke atas risiko dilaksanakan dan dipantau secara berterusan.
Pegawai Risiko Kluster	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengenalpasti dan mendaftarkan risiko di dalam Borang Daftar Risiko dan mencadangkan tindakan kawalan; ii. Melaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko peringkat Kluster/PTj risiko yang dikenalpasti dan tindakan kawalan; iii. Melaksanakan tindakan kawalan dan memantau secara berterusan; iv. Menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster/PTj; dan v. Menjadi perantara kluster dengan Unit Pengurusan Risiko UMPSA.
Taskforce Pengurusan Risiko	<ul style="list-style-type: none"> i. Memantau pelaksanaan dasar dan proses pengurusan risiko di Kluster/PTj; ii. Menyemak penilaian risiko analisis impak perkhidmatan dan cadangan opsyen strategi serta mengaudit proses pengurusan risiko di Kluster/PTj; iii. Membantu UPR dalam proses semakan pelan pengurusan risiko strategik UMPSA; iv. Membantu menyediakan program latihan luar dan dalam untuk Pegawai Risiko; v. Menjalani latihan dan program berterusan bagi menjadi <i>subject matters expert</i> bagi pengurusan risiko;

	<p>vi. Membuat penyelidikan, mengadakan lawatan bagi mendapatkan idea-idea bagi penambahbaikan secara berterusan berkenaan pelaksanaan pengurusan risiko; dan</p> <p>vii. Lain-lain skop berkaitan dengan pengurusan risiko dan peluang yang diarahkan dari masa ke semasa.</p>
<p>Peranan Umum atau Peranan Semua Staf Universiti</p>	<p>Secara umumnya, setiap staf UMPSA bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko yang berkesan, secara spesifiknya dalam bidang khusus masing-masing, termasuklah mengenalpasti risiko yang berpotensi memberi kesan terhadap pencapaian objektif mereka dan UMPSA. Pengurusan bertanggungjawab untuk pembangunan pelan mitigasi risiko dan pelaksanaan strategi pengurangan risiko. Proses pengurusan risiko perlu diselaraskan dengan proses strategik serta aktiviti pengurusan dan perancangan lain.</p>

Jadual 1 : Peranan dan Tanggungjawab

7.0 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko UMPSA



Carta 1 : Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko UMPSA

8.0 Rangka Kerja Pengurusan Risiko

8.1 Rangka Kerja Pengurusan Risiko di UMPSA berdasarkan ISO31000:2018 (*Risk Management-Guidelines*)



Carta 2 : Rangka Kerja Pengurusan Risiko

8.2 Kepimpinan dan Komitmen

8.2.1 Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU)

Bertanggungjawab memastikan pengurusan risiko diintegrasikan di dalam semua aktiviti universiti dan menunjukkan kepimpinan serta komitmen melalui:

- i. pelaksanaan komponen rangka kerja pengurusan risiko mengikut kesesuaian di UMPSA;
- ii. polisi dan garis panduan pendekatan pengurusan risiko di UMPSA dan pelaksanaannya;
- iii. memastikan sumber diperuntukkan untuk pengurusan risiko; dan
- iv. memberikan autoriti, tanggungjawab dan akuntabiliti pengurusan risiko di setiap peringkat di dalam UMPSA.

Integrasi

- i. Mengintegrasikan pengurusan risiko ke dalam tadbir urus UMPSA melalui proses yang dinamik dan disesuaikan dengan keperluan UMPSA.
- ii. Setiap Kluster/PTj di dalam UMPSA mempunyai tanggungjawab untuk mengintegrasikan aktiviti pengurusan risiko secara efektif dan efisien.

8.3 Rekabentuk

Perkara yang perlu diambil kira dalam merekabentuk rangka kerja pengurusan risiko di UMPSA;

- i. Memahami konteks UMPSA berdasarkan faktor dalaman dan luaran yang relevan dan boleh mempengaruhi perjalanan UMPSA dalam mencapai objektif.

a) Faktor Luaran

Politik, ekonomi, sosial, teknologi, budaya, perundangan, persekitaran dan lain-lain.

b) Faktor Dalaman

Visi, misi, objektif strategik, nilai teras, tadbir urus, prosedur operasi standard, sumber, pengurusan data, pemegang taruh dan lain-lain.

ii. Komitmen Pengurusan UMPSA

Komitmen dari Lembaga Pengarah UMPSA dan Pengurusan UMPSA melalui penggubalan dasar dan polisi, peruntukan sumber dan lain-lain.

iii. Autoriti, Peranan, Tanggungjawab Dan Akuantabiliti Pengurusan Risiko Di Dalam UMPSA

Unit Pengurusan Risiko, Pegawai Risiko Kluster/PTj diberi tanggungjawab untuk menguruskan risiko di dalam UMPSA.

iv. Komunikasi dan Konsultasi

Komunikasi adalah berkongsi maklumat rangka kerja pengurusan risiko dengan pihak yang berkepentingan dan konsultasi adalah maklumbalas yang menyumbang kepada pembentukan rangka kerja.

8.4 Pelaksanaan

8.4.1 Pelaksanaan pengurusan risiko UMPSA:

- i. Membangunkan pelan pelaksanaan pengurusan risiko dan ini termasuk jangka masa pelaksanaan dan keperluan sumber.
- ii. Pelantikan Pegawai Risiko Kluster/PTj.
- iii. Kesedaran dan latihan kepada Pegawai Risiko Kluster/PTj.
- iv. Semakan proses kerja di Kluster/PTj.
- v. Pembangunan *Dashboard* dan Profil Risiko Kluster/PTj.
- vi. Semakan/audit *Dashboard* dan Profil Risiko Kluster/PTj.
- vii. Laporan pengurusan risiko Mesyuarat Jawatankuasa Governan Integriti dan Risiko (JGRI).
- viii. Maklumbalas dan dapatan dari mesyuarat (JGRI) di bentangkan kepada Pengurusan UMPSA.
- ix. Kemaskini *Dashboard* Risiko Kluster/PTj.

8.4.2 Risiko yang di daftarkan di dalam *Dashboard* Risiko Kluster/PTj adalah:

a. Risiko Strategik

Risiko strategik adalah kebarangkalian akan berlaku risiko yang boleh memberi impak kepada pencapaian strategik objektif UMPSA. Ia adalah risiko kepada pelaksanaan inisiatif/operasi di Kluster/PTj yang menyumbang kepada pencapaian KPI UMPSA. Risiko Strategik adalah risiko yang berkaitan dengan akademik, penyelidikan, kewangan, reputasi dan pemegang taruh.

b. Risiko Operasi

Risiko operasi adalah kebarangkalian berlaku perkara-perkara operasi yang menyebabkan kerosakan yang diakibatkan daripada kelemahan proses kerja, sistem teknologi maklumat, sistem kawalan dan sokongan dalam operasi atau aktiviti harian Kluster/PTj.

8.5 Penilaian

Penilaian kepada keberkesanan pengurusan risiko UMPSA dalam menangani risiko dan mencapai objektif pelaksanaannya. Keberkesanan diukur melalui sumbangan pengurusan risiko kepada kelancaran operasi, meningkatkan kualiti kerja dan meningkatkan peluang untuk mencapai objektif strategik UMPSA.

8.6 Penambahbaikan

Pemantauan rangka kerja pengurusan risiko secara berterusan dan disesuaikan dengan perubahan semasa faktor dalaman serta luaran. Penambahbaikan yang telah di kenalpasti perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengurusan risiko di UMPSA.

B: GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO

9.0 Proses Pengurusan Risiko

Proses Pengurusan Risiko berdasarkan ISO31000:2018 (*Risk Management – Guidelines*):



Jadual 2 : Proses Pengurusan Risiko

Enam (6) langkah utama dalam proses pengurusan risiko di UMPSA;

- i. Menetapkan konteks.
- ii. Penilaian risiko.
- iii. Menetapkan strategi kawalan risiko.
- iv. Pemantauan dan kajian semula.
- v. Komunikasi dan perundingan.
- vi. Rekod dan Laporan Risiko.



Jadual 3 : Rantaian Pengurusan Risiko Universiti

9.1 Langkah 1 : Menetapkan Konteks

9.1.1 Tujuan utama untuk menetapkan konteks adalah untuk:

- i. Memahami dengan jelas hala tuju strategik UMPSA, dan isu-isu yang berkaitan (kekuatan, ancaman luar dan dalam, kelemahan, peluang) untuk mencapai visi, misi dan strategik objektif universiti serta isu-isu yang mempengaruhi operasi universiti.
- ii. Menganalisa isu dalaman dan luaran yang perlu diambil kira apabila hendak mengurus risiko yang boleh menghalang dari mencapai objektif strategik dan juga mempengaruhi operasi universiti.
- iii. Mengenalpasti pemegang taruh yang berkaitan dan *risk appetite* (had penerimaan risiko).

9.1.2 Faktor dalaman dan luaran yang boleh mempengaruhi objektif strategik dan operasi universiti.

Faktor Luaran

- i. PESTELE (Politik, Ekonomi, Sosial, Teknologi, Persekitaran, Perundangan dan Etika).
- ii. Keperluan dan jangkaan pemegang taruh (Kementerian, Industri, Komuniti, ibubapa).

Faktor Dalaman

- i. Pelan Strategik
- ii. Dasar / SOP, amalan kerja, budaya
- iii. Kemudahan
- iv. Keupayaan kakitangan
- v. Sikap pelajar
- vi. Program Akademik
- vii. Kesihatan dan keselamatan
- viii. Reputasi
- ix. Kewangan

9.2 Langkah 2 : Penilaian Risiko

Berikut adalah proses penilaian risiko:

- i. Mengenalpasti risiko dan puncanya
- ii. Menganalisa Risiko
- iii. Menilai Risiko

9.2.1 Mengenalpasti Risiko dan Puncanya

9.2.1.1 Mengenal pasti risiko adalah proses dimana mengenalpasti sumber risiko, bagaimana risiko boleh berlaku dan kemungkinan kesan/akibat dari risiko tersebut.

9.2.1.2 Perkara yang perlu di beri perhatian dalam mengenalpasti risiko:

- i. Faktor yang memberi halangan dan cabaran kepada universiti.
- ii. Sumber/sebab risiko berlaku.
- iii. Kekerapan berlakunya risiko.
- iv. Lokasi risiko.
- v. Mengenalpasti risiko dalam kawalan atau tidak.
- vi. kesan risiko sama ada kepada Kluster/PTj atau kepada UMPSA secara keseluruhan.

9.2.1.3 Kaedah mengenalpasti risiko

- i. Perbincangan dan sumbangsaran.
- ii. Pemerhatian.
- iii. Pemeriksaan fizikal.
- iv. Menganalisa proses kerja.
- v. semakan rekod.
- vi. Temubual dengan ketua projek.

9.2.2 Menganalisa Risiko

9.2.2.1 Setelah risiko dikenalpasti, risiko dianalisa berdasarkan input dari pemilik risiko. Menganalisa risiko adalah proses menentukan kebarangkalian risiko akan berlaku dan impaknya kepada universiti jika ianya berlaku.

9.2.2.2 Berikut adalah Kategori Risiko di universiti berserta keterangannya:

Kategori	Kod	Keterangan
Strategik	S	Risiko peringkat Universiti atau Kluster/PTj yang memberi kesan kepadan pencapaian Pelan Strategik universiti.
Operasi	O	Risiko yang terjadi dalam prosesan kerja atau penyampaian perkhidmatan yang memberi kesan kepada pencapaian prestasi Kluster/PTj (Kualiti/Pematuhan/Perubahan dan lain-lain).
Projek	Pr	Risiko dalam pelaksanaan projek pembangunan/sistem/projek lestari dan sebagainya yang menjejaskan pencapaian objektif/perancangan projek.
Pematuhan	P	Risiko pelanggaran atau ketakakuran terhadap polisi, perundangan, peraturan, syarat-syarat perkhidmatan Kluster/PTj atau pemegang taruh.
Kewangan	K	Risiko yang berkaitan dengan kelestarian kewangan UMPSA seperti menjejaskan pendapatan/sasaran penajaan, penjimatan, Rol dan sebagainya atau yang menjejaskan objektif kelestarian kewangan.
Governan	G	Risiko berkaitan dengan governan, dasar, peraturan, struktur dan lain-lain yang menghalang iniatif mencapai objektif/KPI UMPSA.

Jadual 4 : Kategori Risiko

9.2.3 Menilai Risiko

9.2.3.1 Menilai risiko adalah menentukan tahap risiko berdasarkan nilai dampak/keterukan risiko dan nilai kebarangkalian risiko akan berlaku.

9.2.3.2 Penentuan nilai dampak dan kebarangkalian risiko adalah berdasarkan:

- i. Data & analisis data.
- ii. Kejadian lalu.
- iii. Pengalaman industri/organisasi.
- iv. Pengenalan dasar, sistem, prosedur baru.
- v. Pandangan staf.
- vi. Keupayaan organisasi – sistem, kompetensi dan lain-lain.

9.2.3.3 **Impak Risiko**

Pengukuran jangkaan tahap kesan atau akibat berlakunya sesuatu risiko.

9.2.3.4 **Parameter Impak Risiko UMPSA:**

- i. Parameter impak risiko strategik – Impak risiko meliputi kesan kewangan, penarafan, reputasi dan akibat dan pemulihan risiko.
- ii. Parameter impak risiko operasi – Impak risiko meliputi kesan kewangan, kualiti pematuhan perkhidmatan, reputasi, akibat dan pemulihan risiko dan fizikal.

9.2.3.5 Berikut adalah Parameter Impak Risiko Strategik UMPSA

Aras Risiko	1 : Tidak Kritikal	2 : Kurang Kritikal	3 : Kritikal	4 : Sangat Kritikal	5 : Paling Kritikal
Impak					
KEWANGAN	Kesan kewangan (Bajet Mengurus Tahunan) yang akan ditanggung apabila terjadinya risiko				
KESAN KEWANGAN	≤RM700 ribu	≤RM1 Juta	≤ RM1.5 juta	≤ RM3 juta	>RM3 Juta
Definisi Operasi	Risiko memberi kesan ≤RM700 ribu daripada bajet mengurus tahunan UMPSA.	Risiko memberi kesan > RM700 Ribu ≤RM1 Juta daripada bajet mengurus tahunan UMPSA.	Risiko memberi kesan >RM 1 Juta - ≤ RM1.5 juta daripada bajet mengurus tahunan UMPSA.	Risiko memberi kesan >RM 1.5 Juta - ≤ RM3 juta daripada bajet mengurus tahunan UMPSA.	Risiko memberi kesan ≥RM3 Juta daripada bajet mengurus tahunan UMPSA.
BUKAN KEWANGAN	Kesan langsung keatas kualiti perkhidmatan dan reputasi PTj/UMPSA apabila terjadinya risiko				
PENARAFAN	≤1% pencapaian tahun sebelum.	>1% - ≤3% penurunan dari pencapaian tahun sebelum.	>3 - ≤5% penurunan pencapaian dari tahun sebelum.	>5 - ≤10% penurunan pencapaian dari tahun sebelum.	> 10% penurunan pencapaian dari tahun sebelum.

Definisi Operasi	Risiko tidak memberi kesan kepada sasaran penarafan UMPSA.	Risiko tidak memberi kesan yang sedikit kepada skor UMPSA dan mengekalkan sasaran penarafan.	Risiko boleh menyebabkan penurunan skor permarkahan UMPSA dari tahun sebelumnya.	Risiko boleh menyebabkan penurunan ketara skor permarkahan UMPSA dari tahun sebelumnya.	Risiko menyebabkan kegagalan UMPSA mengekalkan penarafan.
REPUTASI	Pertanyaan/aduan /informasi yang tiada kesan signifikan kepada imej Kluster/PTj.	Teguran/aduan Pengurusan Kluster/PTJ atau Audit Dalam (isu tidak signifikan) UMPSA.	Teguran/aduan pengurusan UMPSA/pihak luar atau teguran audit dalaman (isu signifikan) yang boleh menjejaskan imej Kluster/PTj.	Teguran/aduan LPU/pihak luar/ pemegang taruh yang boleh menjejaskan imej Pengurusan UMPSA.	Teguran/aduan pemegang taruh luaran atau teguran audit luar atau liputan media rasmi yang boleh menjejaskan imej UMPSA.
Definisi Operasi	Pertanyaan/aduan /informasi daripada pengurusan Kluster/PTj atau daripada pemegang taruh.	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan dalaman daripada Pengurusan Kluster/PTj melalui minit mesyuarat, surat, email, memo. •Laporan Audit Dalam yang diberikan kepada Kluster/PTj sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan daripada pihak luar melalui minit mesyuarat, surat, email dan telefon. •Laporan Audit Dalam yang dibawa ke Jawatankuasa Audit. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan melalui media sosial. •Teguran daripada LPU/Pihak luar (PBT, MQA, dll.) melalui minit mesyuarat, surat, email, memo dll. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan melalui media massa dan media cetak. •Liputan media melalui tv, radio dan surat khabar dalam dan luar negara. •Teguran daripada agensi pusat (KPT,

					KKM dll) melalui minit mesyuarat, surat, email, memo. •Laporan audit negara.
AKIBAT/ PEMULIHAN RISIKO	Pemulihan risiko melalui aktiviti rutin/ operasi Kluster/PTj.	Kesan kecil dan pemulihan risiko oleh pengurusan Kluster/PTj atau JK <i>Taskforce</i> yang ditubuhkan oleh Pengurusan UMPSA (yang tiada dalam Perlembagaan UMPSA/Statut atau Peraturan).	Kesan signifikan dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan Pengurusan Universiti melalui Pihak Berkuasa atau Jawatankuasa yang dinyatakan dalam Perlembagaan UMPSA.	Kesan serius dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan Jawatankuasa di bawah LPU.	Kesan kritikal dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan LPU atau pihak Luar.
Definisi Operasi	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui aktiviti rutin Jabatan/ Bahagian.	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui aktiviti Pengurusan Kluster/PTj.	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui keputusan/ arahan/ penglibatan Pengurusan UMPSA.	Risiko yang terjadi hanya boleh diselesaikan melalui keputusan/ arahan/ penglibatan Jawatankuasa dibawah LPU.	Risiko yang terjadi hanya boleh diselesaikan melalui LPU atau dengan pihak luar seperti KPT, KKM, dll.

Jadual 5 : Parameter Impak Risiko Strategik UMPSA

9.2.3.6 Berikut adalah Parameter Risiko Operasi UMPSA

Aras Impak Risiko	1 : Tidak Kritikal	2 : Kurang Kritikal	3 : Kritikal	4 : Sangat Kritikal	5 : Paling Kritikal
KESAN KEWANGAN	≤RM100K	≤RM200K	≤RM300K	≤RM400K	>RM400K
Definisi Operasi	Kesan kewangan mengendalikan risiko ≤RM100,000.	Kesan kewangan mengendalikan risiko >100,000 - ≤RM200,000.	Kesan kewangan mengendalikan risiko >200,000 - ≤RM300,000.	Kesan kewangan mengendalikan risiko >300,000 - ≤RM400,000.	Kesan kewangan mengendalikan risiko > RM400,000.
KUALITI & PEMATUHAN PERKHIDMATAN	Tiada kesan signifikan keatas pematuhan dan kualiti perkhidmatan.	Kesalahan kecil dalam penyampaian perkhidmatan yang boleh dibetulkan dengan segera.	Ketidakpatuhan Perkhidmatan yang boleh menyebabkan kelewatan perancangan dan penyampaian perkhidmatan.	Ketidakpatuhan atau kegagalan untuk mematuhi standard kualiti/prosedur dan menjejaskan perancangan dan penyampaian perkhidmatan.	Kegagalan sistem kritikal atau berlaku ketidakpatuhan berterusan yang menjejaskan integriti perkhidmatan.

Definisi Operasi (Program)	Tiada kesan signifikan kepada kualiti dan kepatuhan program.	Kesilapan spesifikasi program tetapi tidak menjejaskan kualiti program secara keseluruhan dan boleh diselesaikan dengan cepat.	Ketidakpatuhan kepada spesifikasi program yang menjejaskan kualiti program dan penyampaian program.	Ketidakpatuhan program yang boleh menyebabkan akreditasi tidak diberikan @ ditarik balik tetapi boleh mendapat akreditasi dalam masa yang singkat @ Program lewat diiktiraf tetapi masih dalam perancangan (pelajar belum bergraduat).	Akreditasi program tidak diberikan @ ditarik balik dan memerlukan masa yang panjang bagi mendapat akreditasi @ Program lewat diiktiraf melebihi perancangan (selepas pelajar bergraduat).
Definisi Operasi (Projek)	Tiada kesan signifikan kepada pelaksanaan dan penyediaan projek.	Isu/masalah dalam pengurusan projek yang boleh diselesaikan dengan cepat.	Projek pembangunan lewat disiapkan tetapi masih dalam perancangan.	Projek pembangunan lewat disiapkan dan melebihi tempoh perancangan.	Projek pembangunan gagal disiapkan dan menjejaskan operasi pelanggan atau Universiti.

Ketersediaan Koleksi Perpustakaan	Tiada kesan signifikan kepada ketersediaan koleksi perpustakaan.	Isu/masalah kecil yang tidak menjejaskan ketersediaan koleksi.	Koleksi tidak dapat disediakan tetapi masih dalam perancangan (Cth: dalam semester/sebelum audit MQA).	Ketersediaan koleksi lewat yang melepasi keperluan pelajar (Cth: melepasi semester).	Koleksi tidak mencukupi atau tidak terkini yang menyebabkan sumber rujukan tidak memenuhi keperluan program/MQA.
Definisi Operasi (Fasiliti)	Tiada kesan signifikan kepada penyediaan atau kebolehfungsian fasiliti.	Isu/masalah dalam memastikan ketersediaan dan kebolehfungsian fasiliti yang boleh diselesaikan dengan cepat.	Kelewatan dalam menyediakan fasiliti dan/atau memastikan kebolehfungsian-nya tetapi masih dalam perancangan.	Kelewatan dalam menyediakan fasiliti dan/atau memastikan kebolehfungsian-nya melebihi tempoh masa ditetapkan.	Fasiliti gagal disediakan/tidak berfungsi dan menjejaskan operasi pelanggan.

<p>Definisi Operasi (Perkhidmatan/ Proses & Output Proses)</p>	<ul style="list-style-type: none"> •Tiada kesan signifikan kepada proses kerja dan hasilnya. •Tiada kesan signifikan kepada Buku Panduan Akademik. •Tiada kesan signifikan kepada Spesifikasi (kualiti, kos dan masa) projek pembangunan. 	<ul style="list-style-type: none"> •Kesilapan sebutharga/ dokumen tender yang boleh diperbetulkan dengan cepat. •Membetulkan Buku Panduan Akademik dengan cepat. •Spesifikasi (kualiti, kos dan masa) projek pembangunan dapat dibetulkan dengan cepat. 	<ul style="list-style-type: none"> •Proses penyediaan/ penyediaan sebutharga/ dokumen tender lewat tetapi masih dalam perancangan. •Buku Panduan Akademik lewat disediakan tetapi dapat diedarkan kepada pelajar dalam masa yang ditetapkan. •Projek pembangunan tidak mengikut spesifikasi (kualiti, kos dan masa) tetapi masih boleh diselesaikan / disediakan dalam masa ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> •Penyediaan/ penyediaan sebutharga/ dokumen tender lewat dan melepasi tempoh perancangan. •Buku Panduan Akademik lewat diedarkan kepada pelajar melebihi tempoh yang ditetapkan. •Projek pembangunan tidak mengikut spesifikasi (kualiti, kos dan masa) dan diselesaikan /diselesaikan melepasi perancangan tanpa pertambahan kos/masa. 	<ul style="list-style-type: none"> •Sebutharga / dokumen kontrak tidak dapat disiapkan dan menjejaskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain. •Buku Panduan Akademik gagal diterbitkan / diedarkan kepada pelajar. •Projek pembangunan tidak mengikut spesifikasi (kualiti, kos dan masa) yang ditetapkan dan diselesaikan dengan pertambahan kos/masa.
---	--	--	--	---	---

REPUTASI	Pertanyaan/aduan/informasi yang tiada kesan signifikan kepada imej Kluster/PTj.	Teguran/aduan Pengurusan Kluster/PTj atau Audit Dalam (isu tidak signifikan) UMPSA.	Teguran/aduan pengurusan UMPSA/pihak luar atau teguran audit dalaman (isu signifikan) yang boleh menjejaskan imej Kluster/PTj.	Teguran/aduan LPU/pihak luar/pemegang taruh yang boleh menjejaskan imej Pengurusan UMPSA.	Teguran pemegang taruh luaran atau teguran audit luar atau liputan media rasmi yang boleh menjejaskan imej UMPSA.
Definisi Operasi	•Pertanyaan/aduan/informasi daripada pengurusan Kluster/PTj atau daripada pemegang taruh.	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan dalaman daripada Pengurusan Kluster/PTj melalui minit mesyuarat, surat, email, memo. •Laporan Audit Dalam yang diberikan kepada Kluster/PTj sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan daripada pihak luar melalui minit mesyuarat, surat, email dan telefon. •Laporan Audit Dalam yang dibawa ke Jawatankuasa Audit. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan melalui media sosial. •Teguran daripada LPU/Pihak luar (PBT, MQA, dll.) melalui minit mesyuarat, surat, email, memo dll. 	<ul style="list-style-type: none"> •Teguran/aduan melalui media massa dan media cetak. •Liputan media melalui tv, radio dan surat khabar dalam dan luar negara. •Teguran daripada agensi pusat (KPT, KKM dll.) melalui minit mesyuarat, surat, email, memo

					•Laporan audit negara.
AKIBAT/ PEMULIHAN RISIKO	Pemulihan risiko melalui aktiviti rutin/operasi Kluster/PTj.	Kesan kecil dan pemulihan risiko oleh pengurusan Kluster/PTj atau JK <i>Taskforce</i> yang ditubuhkan oleh Pengurusan UMPSA (yang tiada dalam Perlembagaan UMPSA/Statut atau Peraturan).	Kesan signifikan dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan Pengurusan Universiti melalui Pihak Berkuasa atau Jawatankuasa yang dinyatakan dalam Perlembagaan UMPSA.	Kesan serius dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan Jawatankuasa di bawah LPU.	Kesan kritikal dan pemulihan risiko memerlukan campur tangan LPU atau pihak Luar.
Definisi Operasi	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui aktiviti rutin Jabatan/Bahagian.	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui aktiviti Pengurusan Kluster/PTj.	Risiko yang terjadi dapat diselesaikan melalui keputusan/ arahan/ penglibatan Pengurusan UMPSA.	Risiko yang terjadi hanya boleh diselesaikan melalui keputusan/ arahan/ penglibatan Jawatankuasa dibawah LPU.	Risiko yang terjadi hanya boleh diselesaikan melalui LPU atau dengan pihak luar seperti KPT, KKM, dll.

KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN	Kecederaan ringan dan tidak memerlukan rawatan hospital (memadai dengan peti kecemasan).	Boleh menyebabkan kecederaan yang perlu dirujuk ke hospital/pusat kesihatan universiti (rawatan pesakit luar).	Boleh menyebabkan kecederaan serius sehingga perlu dimasukkan hospital (<i>warded</i>).	Boleh menyebabkan kecederaan serius (<i>warded</i>) dan memerlukan rawatan susulan.	Boleh menyebabkan keilatan kekal dan/atau kematian.
Definisi Operasi	Risiko/Bencana/kemalangan/kejadian tiada kesan signifikan kepada warga kampus.	Risiko/Bencana/kemalangan/kejadian yang boleh menyebabkan kecederaan dan perlu dirujuk ke hospital/PKU.	Risiko/Bencana/kemalangan/kejadian yang boleh menyebabkan kecederaan parah dan dimasukkan ke wad.	Risiko/Bencana/kemalangan/kejadian yang boleh menyebabkan kecederaan parah dan dimasukkan ke wad serta memerlukan rawatan susulan.	Risiko/Bencana/kemalangan/kejadian yang boleh menyebabkan keilatan kekal kepada mangsa atau kehilangan nyawa.

Jadual 6 : Parameter Risiko Operasi UMPSA

9.2.3.7 Parameter Kebarangkalian Risiko

Kebarangkalian risiko adalah jangkaan kemungkinan atau jangkaan kekerapan risiko akan terjadi.

Berikut adalah parameter kebarangkalian risiko UMPSA beserta keterangan;

KEMUNGKINAN	KETERANGAN	ARAS KEBARANGKALIAN	
>75%	Risiko kemungkinan besar akan terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku melebihi 75%.	5	SANGAT TINGGI
50%-75%	Risiko dijangka akan terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 50% - 75%.	4	TINGGI
25%-<50%	Risiko boleh terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 25% - <50%.	3	SEDERHANA (Berpeluang untuk berlaku)
10%-<25%	Risiko mungkin terjadi dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku antara 10% - <25%.	2	RENDAH
<10%	Risiko mungkin tidak berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang atau kebarangkalian berlaku <10%.	1	TIDAK MUNGKIN

Jadual 7 : Parameter Kebarangkalian Risiko

9.2.3.8 Matrik Risiko

Pengkategorian tahap risiko dilaksanakan berdasarkan kepada kebarangkalian ianya berlaku dan tahap impak sesuatu kejadian risiko. Matrik ini digunakan bagi menentukan kedudukan bagi insiden risiko UMPSA dimana risiko yang dianalisa ditentukan boleh diterima atau tidak berdasarkan matrik berikut:

Risiko = Kebarangkalian x Impak

Skala Tahap Risiko(1-25) = Kebarangkalian (1-5) x Impak (1-5)

KEBARANG- KALIAN / IMPAK	1: TIDAK KRITIKAL	2: KURANG KRITIKAL	3: KRITIKAL	4: SANGAT KRITIKAL	5: PALING KRITIKAL
5: SANGAT TINGGI	KETARA	KETARA	TINGGI	TINGGI	TINGGI
4: TINGGI	SEDERHANA	KETARA	KETARA	TINGGI	TINGGI
3: SEDERHANA	RENDAH	SEDERHANA	KETARA	TINGGI	TINGGI
2: RENDAH	RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	KETARA	TINGGI
1:TIDAK MUNGKIN	RENDAH	RENDAH	SEDERHANA	KETARA	KETARA

Jadual 8 : Parameter Kebarangkalian Risiko

9.2.3.9 Keberkesanan Kawalan Semasa

Mengenalpasti pasti kawalan semasa dan langkah yang dilakukan untuk menghalang risiko dari terjadi dan mengurangkan impak, jika ia terjadi.

Hasil penilaian kawalan semasa akan menghasilkan pengesahan risiko, risiko baru, modifikasi risiko atau pengguguran risiko.

Berikut adalah penilaian keberkesanan kawalan semasa:

Keberkesanan Kawalan Semasa	Kod	Penerangan
Berkesan	B	Kawalan semasa boleh mencegah risiko daripada terjadi atau mengawal impak risiko jika ia terjadi.
Sederhana	S	Kawalan semasa boleh mencegah risiko daripada terjadi atau mengawal impak risiko.
Tidak Berkesan	TB	Kawalan semasa tidak dapat mencegah risiko daripada terjadi atau menangani impak risiko.

Jadual 9 : Keberkesanan Kawalan Semasa

Berikut adalah contoh kawalan semasa:

- i. Prosedur Operasi Standard
- ii. Senarai semak
- iii. Sistem pengkomputeran
- iv. Kompetensi staf
- v. Kualiti prestasi semasa
- vi. Governan, struktur dan fungsi
- vii. Deskripsi kerja
- viii. Simulasi

9.3 Langkah 3 : Menetapkan Strategi Kawalan Risiko

9.3.1 Strategi Kawalan risiko adalah menentukan tindakan atau pelan untuk rawatan risiko. Menentukan jenis rawatan risiko yang sesuai dengan mempertimbangkan faktor berikut:

- i. rawatan risiko yang dipilih tidak menimbulkan risiko yang baharu;
- ii. menghapuskan punca risiko;
- iii. merendahkan kemungkinan kejadian dan/atau keterukan;
- iv. berkongsi risiko seperti mengambil insurans dan sebagainya; dan
- v. kos kawalan risiko yang cekap dan munasabah;
- vi. menentukan tempoh rawatan dan juga *deliverables*;
- vii. menilai pilihan rawatan berbanding kos rawatan yang dilaburkan.

9.3.2 Dokumenkan pelan rawatan risiko yang merangkumi peranan dan tanggungjawab, pengesahan dan kelulusan, sumber dan kewangan.

9.3.3 Penilaian semula risiko untuk memastikan tahap risiko adalah lebih rendah dan menilai keberkesanan kawalan tambahan.

9.3.4 Berikut adalah Strategi Kawalan Risiko mengikut tahap risiko.

Tindakan Mitigasi	Kod	Penerangan	Tahap Risiko		
Elak	E	Membatalkan aktiviti yang boleh menyebabkan risiko tinggi kepada UMPSA.	Ketara		Tinggi
Kawal (Kurang)/ Mitigasi	K	Melaksanakan langkah-langkah kawalan untuk meminimumkan kesan atau kebolehjadian berlakunya sesuatu risiko.	Sederhana	Ketara	Tinggi
Kongsi/ Pindah	S/P	Menyerahkan akauntabiliti, tanggungjawab kuasa sesuatu organisasi kepada pihak berkepentingan lain yang sanggup menerima risiko tersebut.	Sederhana		

Terima	T	Risiko yang boleh diterima oleh Universiti tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada.	Rendah
---------------	----------	--	---------------

Jadual 10 : Strategi Kawalan Risiko**9.3.5 Had Penerimaan Risiko**

Had Penerimaan Risiko adalah sejauh mana Universiti bertoleransi kepada risiko yang mungkin wujud. Had penerimaan risiko ditentukan berdasarkan Matrik Kebarangkalian dan Impak. Universiti menentukan sama ada sesuatu risiko boleh diterima atau tidak berdasarkan keputusan Had Penerimaan Risiko.

Risiko BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko: Rendah dan Sederhana)

Risiko TIDAK BOLEH diterima (Skala Tahap Risiko: Ketara dan Tinggi).

Tahap Risiko	Penerangan	Had Penerimaan Risiko
Tinggi	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan.	Risiko tidak boleh diterima.
Ketara	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan universiti.	
Sederhana	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan.	Risiko boleh diterima.
Rendah	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada.	

Jadual 11 : Had Penerimaan Risiko

9.4 Langkah 4 : Pemantauan dan Kajian Semula

Penilaian risiko dan pelan tindakan kawalan risiko secara berterusan bagi memastikan risiko di setiap Kluster/PTj sentiasa dikemaskini; sebelum, semasa dan selepas sesuatu risiko itu berlaku.

Kaedah pemantauan dan kajian semula risiko seperti berikut :

- i. Penilaian Semula Risiko (secara berkala untuk mengenalpasti risiko baharu);
- ii. Audit Risiko (memeriksa keberkesanan tindak balas risiko); dan
- iii. Analisis Corak (memantau keseluruhan prestasi).

9.5 Langkah 5 : Komunikasi dan Perundingan

Komunikasi membolehkan aktiviti-aktiviti penting kepada pengurusan risiko dilaksanakan dalam setiap proses yang telah diwujudkan dalam rangka kerja pengurusan risiko.

Komunikasi dan rundingan dalam pengurusan risiko penting bagi:

- i. melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko yang telah dibangunkan;
- ii. mendokumentasikan semua mesyuarat dan perbincangan dengan pemegang taruh;
- iii. meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga UMPSA berkenaan pelan Pengurusan Risiko dan;
- iv. menyalurkan maklumat terkini kepada warga UMPSA berhubung Pelan Pengurusan Risiko.


9.6 Langkah 6 : Rekod dan Laporan Risiko

9.6.1 Semua risiko dan perubahan kepada penarafan risiko akan dimasukkan ke dalam *Dashboard* Risiko. Setiap tahun, pegawai risiko Kluster/PTj akan menghantar *Dashboard* Risiko Kluster/PTj kepada UPR untuk dinilai dan dianalisa. Laporan penilaian dan analisa risiko tersebut akan dibentangkan kepada JGRI empat (4) kali setahun. Dapatan dari mesyuarat JGRI kemudiannya di bentangkan kepada pihak pengurusan universiti untuk tindakan lanjut.

Dashboard Risiko Kluster/PTj akan disimpan di Unit Pengurusan Risiko. *Dashboard* Risiko ini akan digunakan oleh Universiti sebagai alat untuk merekod, memantau dan melaporkan risiko dan tindakan kepada risiko tersebut.

9.6.2 Profil Risiko

Memaparkan kedudukan tahap risiko semasa di Kluster/PTj dan sasaran risiko dan diplotkan di dalam Matrik Risiko. Risiko di dalam Profil Risiko di senaraikan mengikut tahap risiko dengan merujuk kepada *dashboard* risiko.



Jadual 12 : Template Profil Risiko

10.0 Latihan

UPR bertanggungjawab dalam menyelaras latihan kepada pegawai risiko Kluster/PTj yang dilantik dan memberi kesedaran dikalangan staf UMPSA. Latihan adalah berbentuk program kesedaran, kursus pengurusan risiko, seminar dan lain-lain. Ini adalah bertujuan untuk membina budaya *risk based thinking* bagi meningkatkan kualiti kerja, produktiviti, efisiensi dan mengurangkan kerugian kepada pihak universiti. Berikut sebahagian latihan yang perlu diadakan bagi mencapai tujuan seperti yang dinyatakan diatas:

Bil	Latihan/Kursus	Penglibatan
1	Kursus Kesedaran Pengurusan Risiko	Pegawai Risiko Kluster/PTj / Warga UMPSA
2	Latihan Pembangunan <i>Dashboard</i> Risiko	Pegawai Risiko Kluster/PTj
3	Latihan Kepentingan Pengurusan Risiko	<i>Taskforce</i> Pengurusan Risiko UMPSA /Warga UMPSA
4	Latihan Proses Pelaksanaan Pemantauan Pelan Mitigasi Risiko/ Peluang penambahbaikan	<i>Taskforce</i> Pengurusan Risiko UMPSA & Pegawai Risiko Kluster/PTj
5	Latihan TOT	<i>Taskforce</i> Pengurusan Risiko UMPSA
6	Latihan MS ISO 31000:2018	<i>Taskforce</i> Pengurusan Risiko UMPSA

Jadual 13 : Cadangan Latihan Pengurusan Risiko UMPSA

11.0 Definisi Utama

BS ISO 31000:2018 <i>Risk Management – Principles and Guidelines</i>	BS ISO 31000:2018 adalah standard yang fleksibel dan tidak khusus kepada sesuatu industri atau sektor. Standard ini mengenal pasti elemen-elemen atau langkah-langkah di dalam proses Pengurusan Risiko yang boleh diaplikasikan oleh kebanyakan aktiviti.
<i>Dashboard</i> Risiko	Rekod rasmi bagi semua risiko yang telah dikenalpasti.
Kawalan	Adalah proses sedia ada, polisi, nasihat, amalan dan lain-lain tindakan bagi meminimumkan risiko atau meningkatkan peluang.
Kemungkinan	Peluang sesuatu risiko akan berlaku.
Impak	Hasil daripada sesuatu peristiwa yang mempengaruhi objektif.
Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kluster/PTj	Entiti yang bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk menguruskan risiko.
Pengurusan risiko	Budaya, proses dan aktiviti terancang bagi menguruskan risiko dan kesan negatif daripadanya.
Profil Risiko	Penerangan tentang sesuatu risiko.
Risiko	Kemungkinan sesuatu peristiwa akan berlaku yang mana boleh memberi kesan kepada pencapaian objektif strategik dan operasi Universiti.
Risiko Bersih	Risiko yang wujud selepas rawatan dilakukan.
Tahap Risiko	Tahap risiko yang digambarkan berdasarkan kombinasi impak dan kemungkinan berlaku sesuatu risiko.
Had Penerimaan risiko	Tahap risiko yang boleh diterima bagi mencapai sesuatu objektif.

Jadual 14 : Definisi Utama

12.0 CONTOH SENARAI INSIDEN RISIKO

12.1 Risiko Strategik

Bil.	Insiden Risiko
1	Pelaksanaan inisiatif gagal mencapai objektif strategik.
2	Sumber Universiti yang tidak unik dan berbeza dari pesaing.
3	Gagal untuk mengatasi pesaing dengan menggunakan sumber yang sama di Universiti.
4	Wujud konflik antara pihak-pihak berkepentingan atas dasar faedah dan kepentingan yang berbeza-beza.
5	Wujud konflik antara pihak-pihak berkepentingan terhadap jangkaan yang tinggi serta tidak sama berdasarkan kuasa pengaruh masing-masing.
6	Universiti kurang pengalaman akan terdedah kepada risiko bagi strategi tertentu.

12.2 Risiko Perundangan

Bil.	Insiden Risiko
1	Perjanjian kontrak kerja lambat ditandatangani.
2	Perubahan dasar/peraturan.
3	Status pihak yang mengikat perjanjian bersama Universiti.
4	Kos perundangan yang tinggi apabila melibatkan tindakan undang-undang.
5	Reputasi Universiti akan terjejas.
6	Projek bermasalah.
7	Teguran daripada pihak audit.
8	Ketirisan maklumat kerahsiaan kontrak diantara UMPSA dan kontraktor.
9	Tindakan undang undang daripada pihak yang berkaitan.
10	Tidak mematuhi governan Universiti.

12.3 Risiko Keselamatan Maklumat

Bil.	Insiden Risiko
1	Serangan penggadam ICT/pencerobohan data.
2	Gangguan sistem/pangkalan data.
3	Ketirisan data oleh staf dalaman.
4	Ancaman virus.

12.4 Risiko Sumber Manusia

Bil.	Insiden Risiko
1	Kekurangan dan kelemahan integriti dan tidak beretika.
2	Tiada pengisian jawatan.
3	Kekerapan pertukaran pegawai yang tinggi.
4	Tiada pelan penggantian.
5	Staf tidak kompeten.
6	Hubungan pekerja yang tidak harmoni.
7	Staf tidak hadir bekerja.
8	Tahap kepuasan kerja yang menurun.
9	Staf terlibat dalam aktiviti penipuan dan tidak beretika.
10	Staf gagal bekerjasama dalam operasi seharian.

12.5 Risiko Reputasi

Bil.	Insiden Risiko
1	Aduan pelajar.
2	Kejatuhan <i>ranking</i> .
3	Program tidak mendapat pengiktirafan.
4	Gagal menarik minat pensyarah yang berbakat.
5	Program tidak mendapat sambutan dan bilangan pelajar berkurangan.
6	Gagal menarik minat daripada industri untuk mendapatkan dana penyelidikan.
7	Staf terlibat dalam masalah disiplin dan salah laku tugas di dalam dan di luar Universiti.
8	Kegagalan mengawal media sosial yang diuruskan oleh pelajar/bekas pelajar.
9	Pengurusan laman web Universiti dan fakulti yang tidak berkesan.
10	Strategi kebolehnampakan di dalam enjin carian berkaitan UMPSA yang kurang efektif.

12.6 Risiko Kewangan

Bil.	Insiden Risiko
1	Kekurangan bajet operasi.
2	Kelewatan kelulusan kewangan.
3	Sistem perolehan dan pembayaran Universiti yang lewat.
4	Kegagalan untuk mengawal aset jabatan.
5	Risiko kecurian aset jabatan.
6	Pengurusan bajet yang lemah.
7	Pengurusan aliran tunai yang lemah.
8	Risiko penipuan dokumen kewangan.
9	Kegagalan pematuhan syarat dan terma kontrak.

12.7 Risiko Operasi

Bil.	Insiden Risiko
1	Staf tidak berada ditempat kerja semasa waktu operasi pejabat.
2	Servis kualiti perkhidmatan yang lemah.
3	Proses kerja di jabatan yang lemah.
4	Sistem kawalan kualiti yang lemah.
5	Kurang komitmen diberikan terhadap pelanggan (masa, kualiti dan kuantiti).
6	Terdapat variasi di antara piagam pelanggan dan perkhidmatan yang diberikan.

12.8 Risiko Akademik/Program

Bil.	Insiden Risiko
1	Pelajar gagal untuk tamat pada masanya (GOT).
2	Peratusan GOT yang rendah.
3	Pelajar tidak berpuas hati dengan proses pengajaran dan pembelajaran.
4	Isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran pensyarah.
5	Etika penyelidikan – peratusan plagiat yang tinggi melebihi 30%.
6	Kurang penyeliaan dan persekitaran/ruang penyelidikan yang tidak kondusif.
7	Penyelidikan berkualiti rendah.
8	Penyelidikan yang mempunyai risiko liabiliti (risiko kerosakan fizikal terhadap bangunan, makmal, dan peralatan).
9	Penyalahgunaan dana penyelidikan terhadap perkara yang tidak berkaitan dengan penyelidikan.

12.9 Risiko Infrastruktur dan Fasiliti

Bil.	Insiden Risiko
1	Kekurangan jumlah kelas dan makmal bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
2	Kekurangan jumlah asrama bagi tempat tinggal pelajar.



POLISI & GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO

KELUARAN : 01

KELULUSAN : MESYUARAT JAWATANKUASA
GOVERNAN, RISIKO & INTEGRITI
(JGRI) BIL. 2/2023 (24 JULAI 2023)

Sebarang pertanyaan & maklumat lanjut, sila hubungi :

Unit Pengurusan Risiko (UPR)

Jabatan Canseleri

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Pekan, Malaysia

Telefon : 09-4316769/6849

e-mel : risiko@ump.my